



PASUKAN GERAKAN UDARA

Aras 18 Menara 1
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

Tel : 03-22663418
Fax : 03-22723023

Rujukan : KPN 6/11/4
Tarikh : Jun 2024

Dato' Shamsul Kamar bin Samsudin
Pengarah Urusan
Galaxy Aerospace (M) Sdn. Bhd.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat pihak Ybhg. Dato'
GAM/PGU/JPM/24-262 (104) MN.

2. Dimajukan salinan Pelan Tindakan Pembetulan hasil daripada laporan
Jawatankuasa Siasatan Dalaman Insiden 9M-JPM untuk rujukan pihak Ybhg.
Dato'.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMMAD FIRDAUS BIN ROSLI) ASP.
b.p. Komander
Pasukan Gerakan Udara
POLIS DIRAJA MALAYSIA

s.k.

Fail.

Reviewed :

OMAR BIN AHMAD
Quality Assurance Manager
Galaxy Aerospace (M) Sdn. Bhd
(1040262-D)
14/6/24

2.9 Rumusan dan Cadangan

Jawatankuasa Siasatan mencadangkan:-

Minimum jam penerbangan melayakkan juruterbang menjalankan flight test adalah tidak kurang dari 1000jam (*on type*)

Semua juruterbang hendaklah menjalani latihan simulator yang komprehensif bagi menghadapi gejala sebegini di masa hadapan. Organisasi perlu mengkaji semula kekerapan latihan simulator. Dicadangkan 6 bulan sekali.

Semua juruterbang hendaklah menjalani latihan *Crew Resources Management (CRM)* dan *Safety Management System (SMS)* mengikut ketetapan CAAM (setiap 2 tahun).

Komander Pangkalan perlu lebih peka dan proaktif dalam isu – isu keselamatan penerbangan seperti berikut:-

- Pemantauan Flight Duty Period (FDP) perlu dipertingkatkan.
- Pemilihan kru penerbangan yang berkelayakan untuk melaksanakan sesuatu tugas penerbangan.
- Sistem penyaluran maklumat perlu disalurkan dalam tempoh seberapa segera berkaitan semua isu- isu keselamatan penerbangan bagi meningkatkan tahap kesedaran juruterbang dalam sesuatu kejadian (*situational awareness*).
- Menetapkan tempoh rehat (*cooling down*) yang bersesuaian mengikut budi bicara kepada juruterbang yang terlibat dalam sesuatu insiden.

Ketua Inpektorat Penerbangan adalah bertanggungjawab dalam isu – isu keselamatan penerbangan dengan melaksanakan perkara – perkara berikut:-

- Perlu mengeluarkan garis panduan khusus tentang naik taraf kelayakan juruterbang.
- Pemantauan perancangan dan pelaksanaan latihan berkala secara lebih holistik.
- Sistem penyaluran maklumat perlu disalurkan kepada semua pangkalan operasi dan latihan dalam tempoh seberapa segera berkaitan semua isu- isu keselamatan penerbangan bagi meningkatkan tahap kesedaran juruterbang dalam sesuatu kejadian (*situational awareness*).
- Menetapkan keperluan penerbangan bersama *TRI* dalam penerbangan operasi secara berkala bagi semua juruterbang bertaraf kapten bagi menilai kompetensi juruterbang dalam penerbangan operasi (*OPC*).
- Mengeluarkan pengarahan khusus (AKPGU) tempoh dan waktu penerbangan ujian pesawat pada siang hari sahaja mengikut piawaian *ICAO*.

Juruterbang adalah bertanggungjawab menentukan faktor – faktor keselamatan dipatuhi dalam menentukan pelaksanaan penerbangan seperti berikut:-

- Keadaan cuaca.
- Kelayakkian juruterbang.

- Kesahan peralatan penerbangan.
- Pemantauan *FDP Limitation*.

Cadangan interim Jawatankuasa Siasatan terhadap Supt. Norhashim Bin Ahmad adalah seperti berikut:-

- Juruterbang ini didapati masih merasa fobia dan kurang selesa untuk menjalankan sesuatu tugas penerbangan tertentu, oleh yang demikian disarankan juruterbang ini menjalani sesi kaunseling.
- Memandangkan juruterbang ini didapati mempunyai kurang keyakinan mengendali pesawat AW139 selepas insiden tersebut dan beliau didapati berpengalaman serta mempunyai jam penerbangan yang tinggi dalam mengendali pesawat AS355N, maka disarankan beliau memperbaharui kelayakan sebagai P1 pesawat AS355N dan diberi kebenaran mengekalkan *recency* pesawat AW139 bersama *TRI*.
- Perlu menghadiri kursus *CRM* sebelum memulakan penerbangan operasi.